



PERJANJIAN PERAK-BELANDA PADA KURUN KE-18: ANALISIS TERHADAP KEDUDUKAN PERAK DALAM JARINGAN PERDAGANGAN GLOBAL

*The Perak-Dutch Treaty in the 18th Century: An Analysis of Perak's Position in the
Global Trade Network*

¹*SITI NOOR HAFIZAH MOHAMED SHARIF

¹Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau
Pinang, Malaysia.

*Corresponding author: snhafizah@usm.my

Dihantar/Received: 14 April 2025 | Penambahbaikan/Revised: 30 July 2025

Diterima/Accepted: 5 August 2025 | Terbit/ Published: 22 December 2025

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v36i2.6276>

Abstrak Penulisan ini membahaskan peranan Perak dalam jaringan perdagangan antarabangsa pada kurun ke-18 apabila pengaruh Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) semakin kukuh di rantau Asia Tenggara. Sebagai salah satu negeri Melayu yang penting dalam membekalkan timah, Perak bukan sahaja menjadi tumpuan kuasa luar tetapi juga memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan perdagangan maritim serantau. Namun perbincangan lepas lebih menumpukan perhatian kepada pelabuhan-pelabuhan entreport utama di Selat Melaka berbanding negeri-negeri yang membekalkan komoditi-komoditi dagangan. Kajian ini menegaskan bahawa negeri-negeri pedalaman seperti Perak merupakan penyumbang utama kepada komoditi eksport yang menggerakkan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi bandar-bandar pelabuhan penting di Asia Tenggara. Keupayaan bandar-bandar pelabuhan entreport tersebut berkembang bergantung kepada jalinan hubungan yang erat dengan kawasan pedalaman yang dikuasai oleh pentadbir tempatan. Hubungan dua hala antara pelabuhan utama dan negeri seperti Perak bukan sahaja memastikan bekalan komoditi yang berterusan, tetapi juga memperkukuh kedudukan dan kuasa ekonomi bandar pelabuhan tersebut di rantau ini, sama ada di bawah pentadbiran tempatan mahupun kuasa Eropah seperti VOC. Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah melalui analisis sumber primer yang berupa rekod *Misa Melayu* dan Rekod VOC iaitu *Corpus Diplomaticum Neerlandico-Indicum* (CD) yang merupakan himpunan koleksi kontrak politik dan perjanjian yang dimeterai oleh VOC di Asia, termasuk juga kebenaran-kebenaran rasmi yang telah diberikan kepada mereka oleh pentadbir tempatan. Kajian ini menghujahkan bahawa Perak mempunyai peranan signifikan dalam ekonomi, khususnya dalam jaringan perdagangan antarabangsa pada kurun ke-18 kerana kedudukannya sebagai pembekal timah yang utama dan penting di Selat Melaka. Hal ini menyebabkan VOC mengadakan perjanjian dengan Perak bagi memonopoli komoditi tersebut. Hubungan ini turut memberi kelebihan kepada Belanda untuk mengukuhkan penguasaannya di Selat Melaka berbanding kuasa barat lain yang masih mencari peluang untuk melebarkan pengaruh mereka dalam kegiatan perdagangan di rantau ini, yang merupakan antara rantau penting yang menghubungkan perdagangan timur dengan barat pada ketika itu.

Kata kunci: Perak, Belanda, timah, perdagangan, Selat Melaka



Abstract This study discusses the role of Perak in the international trade network during the 18th century, at a time when the influence of the Dutch East India Company (VOC) was becoming increasingly dominant in the Southeast Asian region. As one of the key Malay states supplying tin, Perak was not only a focal point for foreign powers but also played a crucial role in sustaining regional maritime trade. However, previous discussions have largely focused on major entrepôt ports along the Straits of Melaka, rather than on the hinterland states that supplied the traded commodities. This study asserts that inland states such as Perak were primary contributors of export commodities that drove the development and economic growth of important port cities in Southeast Asia. The ability of these entrepôt ports to flourish depended heavily on the strength of their connections with the hinterlands, which were governed by local administrators. The two-way relationship between major ports and states like Perak not only ensured a continuous supply of commodities but also reinforced the economic position and power of these port cities in the region—whether under local rulers or European powers such as the VOC. This study employs a historical approach by analysing primary sources, namely the *Misa Melayu* manuscript and the *Corpus Diplomaticum Neerlandico-Indicum* (CD), a compilation of political contracts and treaties concluded by the VOC in Asia, including formal authorisations granted to them by local rulers. This study argues that Perak played a significant role in the economy, particularly within the international trade network in the 18th century, due to its position as a major and vital supplier of tin in the Straits of Melaka. This prompted the VOC to enter into an agreement with Perak to monopolise the commodity. The relationship also provided the Dutch with an advantage in consolidating their dominance in the Straits of Melaka, compared to other Western powers that were still seeking opportunities to expand their influence in commercial activities across the region, which served as a key corridor connecting Eastern and Western trade.

Keywords: Perak, Belanda, tin, trade, Malacca Straits

PENDAHULUAN

Kurun ke-18 merupakan kurun penting dalam pengkajian sejarah Asia Tenggara termasuklah Perak yang merupakan salah sebuah negeri-negeri Melayu. Menurut Anthony Reid (1992), bermula pada kurun ini, pelabuhan-pelabuhan *entreport* di Asia Tenggara tidak lagi berfungsi sebagai pusat politik dan kehidupan budaya di wilayah ini. Disebabkan berlaku kemerosotan terhadap fungsi pelabuhan-pelabuhan *entreport* utama, kuasa perdagangan yang sebelum ini dimonopoli oleh pelabuhan-pelabuhan tersebut mulai terpecah dan menyumbang kepada kemunculan pelabuhan-pelabuhan yang lebih kecil dengan jumlah pelabuhan-pelabuhan kecil yang baharu muncul ini semakin bertambah. Namun begitu, Belanda melalui Syarikat Hindia Timur Belanda (seterusnya *VOC*) pula semakin mendominasi dan menguasai kegiatan perdagangan di Asia Tenggara pada kurun ini. Sungguhpun *VOC* berada di kemuncak kekuasaan dan pengaruhnya dalam kegiatan perdagangan pada kurun ke-18 ini kerana kemampuannya mengawal rangkaian perdagangan yang luas di Asia dan mendominasi perdagangan rempah, *VOC* sebenarnya sedang berdepan dengan masalah kewangan semakin memburuk. Hal ini kerana *VOC* berhadapan dalam perang yang berterusan dalam usahanya mengembangkan wilayahnya, dan perkembangan wilayah juga turut meningkatkan lagi kos pentadbirannya kerana pegawai-pegawai yang terlibat juga semakin bertambah bagi mengurus tadbir wilayah yang semakin berkembang tersebut (Hall, 1955). Hal ini menyebabkan syarikat ini tidak mampu untuk menjana keuntungan dalam pelbagai sektor kecuali kegiatan monopolinya mampu menjamin perolehan keuntungan margin yang sangat besar dan tinggi daripada kegiatan perdagangannya (Reid, 1992).



Justeru, tidak hairanlah apabila *VOC* berterusan mengamalkan monopoli perdagangan ke atas barang-barang dagangan tertentu yang penting dan mendapat permintaan tinggi di pasaran, salah satu daripadanya termasuklah komoditi timah di Kepulauan Melayu. Bagi komoditi timah ini, Perak merupakan pengeluar utama dan penting di Asia Tenggara. Dalam kes ini, *VOC* berusaha untuk menguasai komoditi timah melalui perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dengan negeri tersebut sepanjang kurun ke-18. Manakala, di pihak Perak sendiri perjanjian ini disambut baik sebagai strategi mengukuhkan kewibawaan dan kedaulatan negeri, termasuklah kedudukan sultan yang memerintah. Sepanjang kurun ke-18 ini, terdapat enam perjanjian di antara *VOC* dan Perak yang terkandung di dalam *Corpus Diplomaticum Neerlandico-Indicum* (seterusnya *CD*) dan intipati utama semua perjanjian ini adalah berkaitan monopoli timah, iaitu Perak hanya boleh menjual timahnya kepada *VOC* sahaja. Menariknya, selain daripada perjanjian-perjanjian ini yang dimuatkan dalam rekod Belanda iaitu *CD*, perjanjian di antara *VOC* dan Perak turut disentuh oleh rekod tradisional Perak iaitu *Misa Melayu*. Namun, berbanding *Misa Melayu*, catatan rekod Belanda berkaitan intipati perjanjian Belanda dengan Perak ini adalah lebih terperinci. *Misa Melayu* hanya menyebut dua kali sahaja perjanjian di antara Belanda dengan Perak berbanding rekod *CD* yang memuatkan enam perjanjian iaitu untuk tempoh masa berbeza dan pentadbiran sultan yang berbeza. Namun, bagi kedua-dua rekod ini, setiap inti utama perjanjian adalah sama yang mana berhubungan dengan perdagangan, iaitu monopoli timah, dan perjanjian tersebut akan diperbaharui setiap kali Sultan Perak yang baharu menaiki takhta. Menariknya juga, rekod-rekod ini, walaupun berkaitan perjanjian timah, ia juga menonjolkan bentuk hubungan di antara kedua-duanya yang tidak selalunya mesra dan timbul juga ketidakpuasan hati serta salah faham di antara kedua-duanya. Namun, setelah melalui proses rundingan dan perbincangan, barulah persetujuan akan dicapai dan hubungan kedua-duanya kembali baik. Bahkan, demi menghormati perjanjian dengan Belanda, pihak Perak sendiri telah dua kali menolak dengan baik kerjasama dan pelawaan British yang pada waktu itu berpangkalan di Pulau Pinang untuk bersahabat dan berdagang timah (MS 40320/11, f.107; MS 40320/11, f.118).

PERJANJIAN BELANDA (*VOC*) DENGAN PERAK BERDASARKAN CATATAN *MISA MELAYU*

Berdasarkan rekod *Misa Melayu*, perjanjian dengan Belanda tidak dinyatakan secara terus dan terperinci. Sebaliknya, rekod tersebut hanya mencatatkan bahawa di bawah pentadbiran Sultan Muzaffar Syah (menduduki takhta 1728-1752), telah datang orang Belanda (Belanda) yang memohon tempat untuk dibuat pengkalan di Halban dan juga memohon untuk membeli timah dengan dibayar menggunakan *rial* Belanda. Hal ini dicatatkan oleh *Misa Melayu* seperti berikut:

“Maka tersebutlah perkataan orang Belanda duduk di Tanjung Putus itu. Adapun Belanda itu disuruhkan oleh Rajanya dari negeri Betawi lalu ke Melaka; dari Melaka langsung ia masuk ke negeri Perak. Maka ia memohonkan tempat kepada Raja Perak hendak duduk di pangkalan Halban dan ia hendak membeli timah dengan rial Belanda, sebahara timah dibayarnya tiga puluh rial; maka cukainya pula dua rial. Oleh Sultan Muzaffar Syah segala kehendak Belanda itu semuanya dikanankan baginda. Maka duduklah Belanda itu di Pangkalan Halban. Maka dibuatnya gedung serta kota-kota berkeliling gedungnya. Setelah itu, maka tiada orang boleh membawa timah berlayar lagi, sekaliannya diberikan kepada Belanda itu.” (Ahmad Fauzi, 1992)



Berdasarkan petikan *Misa Melayu* ini, walaupun tidak dinyatakan secara terang-terangan bahawa ia merupakan perjanjian, namun beberapa perkataan yang digunakan dalam petikan tersebut jelas menonjolkan bahawa adanya satu bentuk ikatan di antara kedua-duanya yakni menunjukkan permintaan di pihak Belanda dan persetujuan di pihak Sultan Perak, yang mana kedua-duanya juga komited terhadap perkara-perkara yang telah dipersetujui. Perjanjian secara tidak terang-terangan ini adalah berdasarkan kepada perkataan-perkataan seperti “memohonkan”, “dikenankan”. Persetujuan yang diberikan oleh Perak juga menyebabkan timah hanya boleh dijual kepada Belanda dan tiada pihak lain yang dibenarkan untuk membawa timah keluar dari Perak kecuali hanya didagangkan dengan Belanda.

Seterusnya adalah semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah (menduduki takhta 1752-1765). Semasa pentadbirannya, *Misa Melayu* mencatatkan bahawa wakil delegasi (*Commissary*) Belanda, iaitu R.E.F Lybroke memohon untuk membeli timah berjumlah 300 bahara dalam tempoh tiga hari sahaja. Namun, Perak telah mengeluarkan timah berjumlah 500 bahara untuk dibeli oleh wakil Belanda tersebut. Setelah urusan jual beli selesai, maka Sultan Iskandar meminta Raja Muda dan orang-orang besar menulis surat lengkap dengan bingkisan mengikut adatnya untuk dibalas kepada Kapitan Belanda di Betawi dan Kapitan di Betawi juga turut mengutus surat kepada baginda Sultan. Surat ini juga turut dibalas oleh Raja Muda. *Misa Melayu* mencatatkan bahawa antara isi kandungan surat di antara kedua-duanya adalah untuk mengukuhkan lagi hubungan erat di antara mereka yang boleh dilihat melalui petikan berikut:

“Setelah sudah, maka Commissary pun membuat surat akan menambahi teguh setia dengan raja Perak, lalu dipersembahkan ke bawah duli Sultan Iskandar. Setelah itu baginda menyuruh buat surat ikrar diberikan kepada orang Belanda itu. Maka berteguh-teguhan janji orang Belanda itu dengan Raja Muda dan segala orang besar-besar sehingga jual beli timah jua.” (Ahmad Fauzi, 1992: 33)

Petikan kandungan *Misa Melayu* ini juga mencerminkan adanya ciri perjanjian melalui perkataan “surat ikrar” yang diberikan Perak kepada wakil Belanda untuk mengukuhkan janji-janji dan taat setia di antara keduanya termasuklah berkaitan jual beli timah. Jika diperhatikan catatan-catatan dalam *Misa Melayu* berkaitan hubungan Perak dan Belanda ini adalah jelas bertunjangan kepada kepentingan perdagangan bijih timah apabila timah sentiasa muncul dalam setiap pernyataan yang menonjolkan ciri-ciri perjanjian dan persetujuan di antara kedua-duanya.

Namun, berbanding pentadbiran Sultan Muzaffar Syah, catatan *Misa Melayu* berkaitan hubungan wakil Belanda dengan Sultan Iskandar Syah untuk tempoh masa tertentu tidaklah mesra sentiasa dan Sultan Iskandar juga tidaklah sepenuhnya bersetuju dengan permintaan Belanda. Misalnya, semasa pentadbiran baginda, wakil *Commissary* Belanda iaitu R.E.F Lybroke memohon supaya timah yang ingin dibeli Belanda ditimbang di loji milik Belanda di Pangkalan Halban. Walau bagaimanapun, Sultan Iskandar tidak bersetuju dengan permintaan wakil Belanda tersebut dan baginda menitahkan timah tersebut ditimbang di Kuala Bidor. Dalam persiapan untuk menimbang timah ini, baginda telah mengarahkan Raja Bendahara dan Orang Besar-Besar supaya membuat balai dan tempat menimbang timah (Ahmad Fauzi, 1992: 64). Perkara ini menimbulkan ketidakpuasan hati Belanda dan catatan *Misa Melayu* menyatakan bahawa wakil-wakil Belanda ini turut melakukan provokasi ke atas wakil sultan yang berulang alik dari istana ke Kuala Bidor bagi menjaga dan memantau tempat yang disediakan untuk urusan timbang timah yang akan dijual kepada Belanda iaitu Datuk Menteri dan Syahbandar. Misalnya, Kapal Belanda telah membedil sampan yang dinaiki Datuk Menteri dan Syahbandar dengan Meriam kerana kedua-duanya tidak mahu singgah ke kapal milik Belanda apabila diarahkan kelasi Belanda untuk berbuat demikian. Kedua-duanya



menyampaikan perkara tersebut kepada baginda sultan dan hal ini menimbulkan kemurkaan sultan. Kemurkaan sultan ini kemudiannya sampai kepada pengetahuan Kapitan Belanda dan Kapitan Belanda dikatakan merasa gentar akan kemurkaan sultan tersebut. Bagi menzahirkan kemurkaannya, baginda sultan telah menitahkan supaya timah sebanyak 300 bahara itu dimuatkan dalam beberapa puluh perahu, diiringi Orang Kaya laksamana dan hulubalang-hulubalang baginda. Bahkan baginda sultan serta Raja Bendahara dan segala orang besar-besar turut sama mengiringi perahu yang berisi timah itu sehingga ke Kota Lumut. Tindakan sultan ini menurut *Misa Melayu* telah menyebabkan Belanda ketakutan kerana rombongan sultan yang besar jumlahnya serta kehadiran sultan sendiri. Menariknya, walaupun sultan murka akan tindakan wakil Belanda, urusan perdagangan timah di antara Perak dengan wakil Belanda sebanyak 300 bahara itu tetap berjalan seperti biasa. Maka, di pihak kerajaan Perak sendiri, baginda sultan masih berpegang kepada janjinya berkaitan urusan jual beli timah kepada pihak Belanda (Ahmad Fauzi, 1992: 64-67).

Secara keseluruhannya, hubungan Perak dan Belanda yang dicatatkan dalam *Misa Melayu* hanyalah semasa pentadbiran Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Iskandar Syah. Manakala semasa era pentadbiran Sultan Mahmud Syah dan Sultan Alauddin Mansyur Syah, catatan-catatan berkaitan hubungan Perak dengan Belanda tidak lagi muncul. Peristiwa paling menonjol berdasarkan catatan *Misa Melayu* berkaitan hubungan luar Perak semasa pentadbiran Sultan Mahmud Syah (menduduki takhta 1765-1773) adalah hubungan dengan Selangor. Misalnya, *Misa Melayu* telah mencatatkan peristiwa kedatangan rombongan dari Selangor ke Perak untuk menjalinkan hubungan persahabatan dan tindakan Sultan Mahmud yang bersetuju untuk mengiktiraf Sultan Salehuddin dengan bersetuju untuk menabalkan Sultan Salehuddin mengikut adat termasuklah dengan mengurniakan gendang nobat dan peralatan lain mengikut adat. Dicapatkan juga tentang perkahwinanan anak saudara Sultan Perak dengan Yang Dipertuan Selangor dan tindakan Selangor yang ingin menyerang Kedah setelah selesai majlis perkahwinan tersebut (Ahmad Fauzi, 1992: 134-136). Manakala semasa zaman pentadbiran Sultan Alauddin Mansyur Syah (1773-1792), tiada sebarang hubungan luar dicatatkan oleh *Misa Melayu*.¹

Namun, hal ini berbeza dengan catatan rekod Belanda iaitu *CD*. Melalui rekod Belanda ini, dapat ditemui hubungan dagang yang berterusan di antara Perak dengan Belanda melalui kewujudan perjanjian-perjanjian di antara Perak dengan Belanda semasa ditadbir oleh Sultan Mahmud dan Sultan Alauddin. Ringkasnya, sepanjang kurun ke-18 ini, setiap kali sultan yang baru menaiki takhta, perjanjian dengan Belanda akan diperbaharui. Hal ini amat berkait dengan larangan agama Islam yang tidak membenarkan penganutnya membuat perjanjian untuk tempoh selama-lamanya dengan orang bukan Islam. Secara amalannya, Belanda mengiktiraf larangan ini dan ini dapat dilihat apabila perjanjian Perak dengan Belanda tersebut, iaitu melibatkan tujuan komersial (perdagangan) dan politik akan diperbaharui setiap kali sultan yang baharu menaiki takhta kerajaan (Peter Borschberg, 2024: 34). Perjanjian yang diperbaharui setiap kali sultan baharu menduduki takhta ini memberi kelebihan kepada pengkajian tentang hubungan Perak dengan Belanda pada tempoh masa pentadbiran sultan yang berbeza iaitu berkaitan reaksi sultan Perak terhadap Belanda, dan apakah pertimbangan dan faktor yang mendorong kepada perjanjian itu ditandatangani.



PERJANJIAN BELANDA (*VOC*) DENGAN PERAK BERDASARKAN *CORPUS DIPLOMATICUM NEERLANDO-INDICUM* (*CD*)

Secara keseluruhannya, rekod *CD* ini terdiri daripada enam jilid. Rekod ini merupakan himpunan koleksi kontrak politik dan perjanjian yang dimeterai oleh *VOC* di Asia, termasuk juga kebenaran-kebenaran rasmi yang telah diberikan kepada mereka oleh pentadbir tempatan. Namun, berkaitan perjanjian secara langsung di antara Belanda dengan Perak pada kurun ke-18 ini hanya terkandung dalam rekod *CD5* (jilid no. 5) dan *CD6* (jilid no. 6). Bagi *CD5*, rekod perjanjian yang terkandung adalah bertarikh antara 5 Disember 1726 sehingga 01 Disember 1752. Terdapat 201 dokumen perjanjian direkodkan sepanjang tempoh tersebut (F. W. Stapel, 1938: xviii) dengan hanya dua perjanjian yang melibatkan *VOC* dengan Perak dan kedua-duanya termeterai pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah (F. W. Stapel, 1938: 430-432 & 580). Pada kurun ke-18 ini, Sultan Muzaffar Syah merupakan Sultan Perak pertama yang membuat perjanjian rasmi dengan pihak Belanda yang diwakili *VOC*.² Berkaitan ini utama kedua-dua perjanjian di antara Sultan Muzaffar Syah dengan *VOC* ini, ianya jelas berkait rapat dengan kepentingan kegiatan perdagangan. Buktinya, dalam perjanjian pertama Belanda dengan Perak pada kurun ke-18 ini iaitu bertarikh 25 Julai 1746, daripada tiga (3) perkara yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut, ketiga-tiganya adalah berkaitan dengan perdagangan. Buktinya, Perkara 1 adalah berkaitan kebenaran yang diberikan oleh sultan kepada pihak *VOC* untuk mengambil sebidang tanah yang dirasakannya sesuai, berhampiran dengan kubu raja dan kediaman laksamana, bagi membina petempatannya (kota pelabuhan) yang dapat menjamin keselamatan dan ketenteraman perdagangan. Manakala Perkara 2 dan 3 pula adalah berkaitan monopoli timah negeri Perak oleh Belanda dan larangan melakukan penyeludupan timah. Misalnya, Perkara 2 menyatakan, hanya *VOC* sahaja dibenarkan untuk membeli timah dari Perak. Inti lain Perkara 2 ini adalah penetapan harga, bentuk timbangan dan jenis sukatan serta bayaran cukai ke atas pembelian timah. Manakala, Perkara 3 pula adalah berkaitan setiap kapal yang berlayar keluar dari Perak perlu berlabuh untuk diperiksa di pelabuhan Belanda. Sebarang aktiviti menyeludup keluar timah tidak dibenarkan dan jika mana-mana melakukan penyeludupan timah dan berjaya ditangkap, maka muatan kapalnya akan dirampas dan diberikan secara sama rata kepada pihak Sultan Perak dan *VOC*. Dalam satu perjanjian tambahan yang dipersetujui di antara *VOC* dengan Perak bertarikh 25 Julai 1752³, yang juga semasa pentadbiran Sultan Muzaffar Syah, masih lagi berkaitan perdagangan iaitu berkaitan monopoli garam oleh Belanda. Menurut perjanjian ini, yang diwakili oleh Essche sebagai wakil rasmi syarikat tersebut, pihak baginda Sultan dengan kerelaannya memberikan pajakan garam kepada pihak syarikat. Syaratnya, pihak syarikat perlu memberikan satu (1) koyan garam kepada baginda sultan pada setiap tahun (F. W. Stapel, 1938: 580).

Seterusnya adalah rekod *CD6*. *CD6* ini memuatkan rekod-rekod perjanjian dan persetujuan di antara tahun 1753 hingga tahun 1799 (F. W. Stapel, 1955). Berdasarkan rekod ini, terdapat empat lagi perjanjian pada kurun ke-18 yang ditandatangani oleh *VOC* dengan Perak iaitu dua perjanjian semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah dan dua lagi perjanjian ditandatangani masing-masing satu semasa Sultan Mahmud Syah dan satu lagi semasa Sultan Alauddin Syah. Semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah, perjanjian ditandatangani pada 13 Mac 1753, di balairung Istana Perak (F. W. Stapel, 1955: 1-2). Perjanjian 13 Mac 1753 ini terdiri daripada tujuh perkara dan inti utama perjanjian juga masih berkaitan kegiatan perdagangan iaitu masih berkaitan monopoli timah oleh *VOC* yang mana hanya syarikat itu sahaja dibenarkan untuk berdagang timah dengan Perak. Berkaitan jenis dan sukatan timbangan, jumlah bayaran dan cukai juga masih sama dengan perjanjian 25 Julai 1746 iaitu pihak syarikat akan membayar kepada sultan 26 *ducatoon* atau 32 *real* Sepanyol bagi setiap bahar (375 *pound*) timah. Pihak syarikat juga dikehendaki membayar 2 *real* Sepanyol sebagai



cukai bagi setiap bahar timah yang dijual tersebut. Begitu juga berkaitan dengan larangan terhadap penyeludupan timah dan hukuman yang dikenakan ke atas penyeludup timah jika ditangkap oleh pihak syarikat masih sama seperti perjanjian 25 Julai 1946 iaitu, muatan dibahagi secara sama rata di antara pihak syarikat dan pihak sultan (F. W. Stapel, 1955: 1-2). Manakala satu lagi perjanjian semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah adalah pada 3 Jun 1759 syarikat (F. W. Stapel, 1955: 182-183). Perjanjian baharu ini mempunyai dua perkara iaitu Perkara 1, menegaskan kembali Perkara 4 dan Perkara 5 dalam perjanjian sebelumnya (Perjanjian 13 Mac 1753) iaitu timah dari Perak perlu ditimbang dengan dacing milik VOC (F. W. Stapel, 1955: 182). Penegasan ini barangkali ada kaitannya dengan tindakan Sultan Iskandar yang menolak untuk menghantar timah bagi ditimbang di kota pelabuhan Belanda sebaliknya Sultan bertegas supaya timah dari Perak ini ditimbang di Kuala Bidor iaitu tempat baharu yang disediakan oleh pihak sultan untuk urusan timbangan timah yang ingin dijual kepada Belanda seperti dicatatkan dalam rekod *Misa Melayu* (rujuk perbincangan dalam subtopik sebelum ini). Maka Belanda menegaskan kembali isi perjanjian berkaitan timbangan ini dalam perjanjian kedua dengan Sultan Iskandar. Perkara 2 Perjanjian 3 Jun 1759 pula adalah berkaitan hukuman ke atas kapal yang menyeludup timah iaitu kapal-kapal yang ditemui timah di dalamnya setelah diperiksa Belanda, maka kapal itu akan diserahkan kepada sultan iaitu tambahan kepada Perkara 6 dalam Perjanjian 13 Mac 1753 (F. W. Stapel, 1955: 182).

Kemudian, setelah kemangkatan Sultan Iskandar Syah, perjanjian dengan VOC ini diperbaharui lagi apabila Sultan Mahmud Syah menaiki takhta. Perjanjian ini ditandatangani pada 17 Oktober 1765 dan terdiri daripada 13 Perkara (F. W. Stapel, 1955: 255-258). Daripada 13 Perkara ini tujuh perkara daripadanya adalah berkaitan perdagangan timah dan isinya sama sahaja dengan perjanjian-perjanjian sebelumnya. Namun, terdapat sedikit perbezaan dalam jumlah bayaran terhadap 1 bahar (375 *pound*) oleh pihak Belanda dalam perjanjian ini. Sebagai bukti, Perkara 3 Perjanjian 17 Oktober 1765 menyatakan bagi setiap bahar (375 *pound*) timah, VOC akan membayar 34 *real* Sepanyol (F. W. Stapel, 1955: 256). Berbeza dengan perjanjian-perjanjian sebelumnya yang bagi timbangan timah yang sama, bayarannya adalah 32 *real* Sepanyol. Namun, dalam perjanjian 17 Oktober 1765 ini, tidak dinyatakan bahawa 2 *real* Sepanyol perlu dibayar oleh VOC kepada pihak sultan sebagai cukai. Maka kadar bayaran baru ini mungkin telah termasuk cukai kepada sultan. Perjanjian VOC dengan Perak ini diperbaharui lagi selepas kemangkatan Sultan Mahmud Syah pada tahun 1773 dan takhta Perak diisi oleh Sultan Alauddin Syah. Perjanjian di antara VOC dengan Sultan Alauddin Syah ini juga ditandatangani pada tahun tersebut iaitu pada 20 Disember. Perjanjian ini juga terdiri daripada 13 Perkara dengan isi kandungan juga masih sama dengan perjanjian semasa Sultan Mahmud Syah (F. W. Stapel, 1955: 377-379). Namun, harga bagi setiap bahar (375 *pound*) timah yang dibayar oleh pihak syarikat kepada Perak adalah lebih rendah iaitu hanya 32 *real* Sepanyol sahaja tanpa bayaran tambahan untuk cukai.

Secara keseluruhannya, berdasarkan perjanjian-perjanjian berkaitan kepentingan dagang iaitu berkaitan monopoli timah di antara VOC dengan Perak di bawah pentadbiran empat orang sultan Perak pada kurun ke-18 ini, tidak berlaku sebarang perubahan dalam harga belian timah oleh VOC. Harga paling rendah adalah semasa pentadbiran Sultan Alauddin Syah iaitu timah Perak dibeli VOC hanya pada kadar 32 *real* Sepanyol tanpa sebarang cukai dibayar kepada pihak sultan. Hal ini berbeza dengan perjanjian-perjanjian sebelumnya yang VOC perlu membayar secara keseluruhannya 34 *real* Sepanyol untuk setiap bahar (375 *pound*) timah. Persoalannya, apakah manfaat perjanjian ini kepada Perak? Hal ini kerana jika dilihat dari secara kasarnya, berdasarkan kepada aspek jenis sukatan, lokasi timbangan dan harga belian timah, semuanya hanya menguntungkan pihak VOC kerana VOC mempunyai kuasa penuh untuk menentukan setiap perkara berkaitan perdagangan timah dari Perak ini.



HUBUNGAN BERASASKAN PERJANJIAN DI ANTARA PERAK DENGAN BELANDA: SUATU ANALISIS

Berkaitan hubungan perjanjian di antara Belanda dengan Perak ini, para sarjana mempunyai pandangan yang berbeza-beza. Peter Borschberg (2024) menghujahkan bahawa polisi *Vereenigde Oost-Indische Compagnie (VOC)* khususnya kawalan monopoli terhadap pengeluaran dan kegiatan perdagangan melalui perjanjian-perjanjian dengan negeri-negeri di Asia Tenggara menyebabkan amalan komersial dan struktur politik-ekonomi di wilayah ini terganggu. Hal ini kerana melalui perjanjian ini, negeri-negeri (kerajaan-kerajaan) di Asia Tenggara terpaksa menerima syarat-syarat perdagangan yang dikenakan Belanda seperti harga belian yang tetap ke atas komoditi yang diinginkan *VOC*, sekatan perdagangan, dan monopoli ke atas komoditi-komoditi tertentu. Akibatnya, kawalan ekonomi pentadbir tempatan terhadap sumber, komoditi dan laluan perdagangan terganggu dan sekali gus mempengaruhi kemampuan mereka mengekalkan kekayaan ekonomi yang penting untuk pengendalian kewibawaan politik. Namun, B.W. Andaya (1979: 35) mempunyai pandangan berbeza berdasarkan kajiannya tentang Perak pada kurun ke-18. Andaya menegaskan bahawa, hubungan dengan Belanda (*VOC*) melalui perjanjian perdagangan timah ini memberi kelebihan kepada Perak dalam mengekalkan keamanan dan keselamatannya. Bahkan hubungan tersebut memberi banyak peluang kepada Perak untuk mengukuhkan lagi ekonominya dan meningkatkan lagi kegiatan perdagangannya. Suasana aman dan damai kesan daripada perjanjian dengan Belanda ini menyebabkan pengeluaran timah semakin meluas sehingga ke kawasan hulu Perak apabila banyak kawasan baharu dibuka untuk kegiatan ini (B. W. Andaya, 1979: 35 & 391). Merujuk kepada kedua-dua pandangan ini, kedua-duanya tidak dinafikan mempunyai kekuatannya. Misalnya, pandangan Peter Borschberg (2024) melihat kepada keseluruhan di negeri-negeri di Asia Tenggara dengan merujuk kepada rekod-rekod perjanjian *VOC* dengan negeri-negeri tersebut bagi membuat suatu kesimpulan jangka panjang kesan dari perjanjian itu. Hal ini berbeza dengan Andaya (1979) yang memfokuskan kajiannya ke atas Perak sahaja dan menghujahkan bahawa perjanjian tersebut telah memberi kelebihan dalam mengukuhkan kedudukan Perak sebagai sebuah negeri. Hal ini kerana, Perak merupakan sebuah negeri yang lemah dan memerlukan rakan yang kuat untuk mengekalkan kedaulatan dan kewibawaannya daripada serangan-serangan musuh-musuh politiknya selain turut mengukuhkan lagi ekonominya. Namun, kajian ini menawarkan perspektif berbeza berbanding penulisan Borschberg dan Andaya iaitu bertujuan membincangkan peranan Perak yang turut menyumbang kepada pengukuhan kedudukan ekonomi *VOC* dalam jaringan perdagangan di wilayah ini. Hal ini bermaksud Perak bukan hanya sebagai mangsa, tetapi juga salah satu entiti politik penting dalam jaringan perdagangan pada waktu itu yang turut menyumbang kepada pengukuhan *VOC* dalam perdagangan global di saat pengaruh Britain dan Perancis semakin meningkat. Bermaksud, pentingnya hubungan *VOC* dengan negeri-negeri di wilayah Kepulauan Asia Tenggara pada kurun ke-18 ini untuk mengukuhkan kuasa ekonominya yang semakin merosot kepada pesaing-pesaingnya selain turut memberi kelebihan kepada aspek ekonomi dan politik kepada Perak sendiri.

Sarjana-sarjana seperti D. G. E. Hall (1955), F. W. Stapel (1955) Anthony Reid (1992) dan Michael Wagner (2022) menghujahkan bahawa pada kurun ke-18, kewangan dan pengaruh Belanda, melalui syarikat *VOC* semakin memburuk walaupun *VOC* makin mengukuhkan kekuasaannya di wilayah Asia Tenggara. Dari segi persaingan di peringkat global, Wagner (2022) menghujahkan bahawa Perancis telah menggantikan tempat Belanda sebagai pesaing utama Britain. Misalnya, jumlah perdagangan Belanda pada suku pertama kurun ke-18 masih lagi mengatasi jumlah perdagangan Britain. Namun menjelang suku kedua (separuh masa pertama) kurun ke-18, jumlah perdagangan Britain telahpun mengatasi jumlah perdagangan



Belanda (Michael Wagner, 2022: 53-54). Hal ini amat berkait rapat dengan kemerosotan kuasa perdagangannya di Parsi dan India. Misalnya di Parsi, yang merupakan wilayah perdagangan yang menguntungkan *VOC* selepas Jepun, *VOC* terpaksa menutup pejabat operasinya di Isfahan pada 6 April 1747. Lebih kurang dua tahun kemudian, iaitu pada 24 Jun 1749, *VOC* telah membubarkan seluruh pejabat pentadbiran perdagangannya di Parsi. *VOC* hanya mengekalkan pejabatnya di Gamron (Bandar Abbas) sebagai satu pos biasa sahaja dengan diletakkan di bawah kawalan dan pentadbiran Batavia (F. W. Stapel, 1955). Hal ini berkait rapat dengan ketidakstabilan politik iaitu pergolakan dalaman dan pertempuran saudara di Parsi yang memberi kesan besar kepada perdagangan *VOC* di situ.⁴ Situasi di Parsi ini membuktikan bahawa keadaan geopolitik tempatan jika dibiarkan dan tidak ditangani dengan baik dan berkesan akan menyebabkan perdagangan terganggu. Berbalik kepada pos biasa *VOC* di Gamron ini juga, *VOC* akhirnya gagal untuk menangani tekanan-tekanan tempatan di sini dan juga tidak mampu berhadapan dengan saingan berterusan daripada pedagang-pedagang British. Akhirnya, *VOC* hilang terus jaringan perdagangannya di Parsi. Manakala di India pula, akibat persaingan berterusan dengan British dan Perancis menyebabkan kedudukan dan pengaruhnya merosot di India dan hanya dapat mengekalkan kekuasaannya di Ceylon sahaja sehingga pertengahan kurun ke-18 (F. W. Stapel, 1955: CD5).

Sekalipun perdagangan *VOC* semakin merosot di Parsi dan India pada kurun ke-18 tersebut, penguasaannya dalam kegiatan perdagangan di Kepulauan Asia Tenggara menyebabkan Belanda masih bertahan dengan baik dalam perdagangan antarabangsa ekoran pengukuhanannya ke atas negeri-negeri di wilayah Kepulauan Asia Tenggara. Hal ini adalah berdasarkan kepada jumlah rekod-rekod perjanjian yang ditandatangani dengan negeri-negeri Kepulauan Asia untuk tempoh masa ini. Walaupun dikatakan pengaruh *VOC* amat ketara di Kepulauan Maluku dan Kepulauan Jawa, namun wujud juga rekod-rekod perjanjian Belanda dengan Perak yang menunjukkan selain dengan negeri-negeri di Kepulauan Hindia Belanda, perjanjian juga turut dibuat dengan negeri-negeri Melayu iaitu Perak yang kaya dengan timah (lihat rekod *CD5* dan *CD6*).⁵ Kesan penting perjanjian ini adalah Perak dapat mengekalkan keamanannya daripada pertelingkahan politik dalaman mahupun mempertahankan diri daripada ancaman politik luar. Misalnya berkaitan politik dalaman, *Misa Melayu* telah mencatatkan bahawa telah berlaku komplot menentang Raja Muda Perak oleh Raja Alam yang merupakan Raja Kecil Besar semasa pentadbiran Sultan Muzaffar Syah sehingga mencetuskan pertempuran di antara kedua-duanya. Perkara ini telah menimbulkan kemurkaan sultan dan baginda telah mengutus surat kepada Kapitan Syarikat yang berada di Melaka ekoran berlakunya komplot tersebut. Konflik ini akhirnya berjaya diselesaikan dengan bantuan Belanda (Ahmad Fauzi, 1992: 7-9). Menariknya, walaupun perjanjian *VOC* dengan Perak ini inti utamanya adalah berkaitan perdagangan, sebenarnya syarat ini turut mencatatkan tentang keselamatan perdagangan seperti dalam Perkara 7 Perjanjian 13 Mac 1753. Maka, sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan aktiviti perdagangan boleh diambil tindakan dan ini secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada Sultan Perak untuk mengukuhkan politiknya dengan mengaitkan sebarang tindakan menentang sebagai tindakan yang bertujuan mengganggu atau menjejaskan kegiatan perdagangan. Hal ini menyumbang kepada kestabilan politik Perak semasa menjalin hubungan diplomatik berasaskan kegiatan perdagangan dengan *VOC*.

Ketenteraman politik dalaman memainkan peranan penting dalam memastikan urusan ekonomi termasuklah perdagangan berjalan lancar. Bahkan bagi memastikan komoditi timah yang amat diperlukan *VOC* terus diperolehi, maka amat penting suasana politik dalaman Perak terus stabil supaya kegiatan memperoleh timah dapat dilaksanakan tanpa sebarang gangguan. Misalnya semasa zaman Sultan Iskandar Syah, dicatatkan bahawa jumlah timah yang berjaya



disediakan Perak adalah berjumlah 500 bahara berbanding 300 bahara yang diminta Belanda (Ahmad Fauzi, 1992). Jika mengikut jumlah *pound* (berdasarkan ukuran dalam rekod Perjanjian Perak dengan VOC), bermakna Perak pada waktu ini telah berjaya menghasilkan 187,500 *pound* timah. Berkaitan transaksi jualan, ianya adalah berbentuk monopoli, berasaskan jualan gudang (jualan dalam kuantiti yang besar) dan dengan menggunakan tunai (*real* Sepanyol). Perak akan mengumpulkan semua timah yang dihasilkan di negerinya untuk ditempatkan di suatu tempat (gudang) sebelum kemudiannya dijual dalam kuantiti yang besar kepada Belanda mengikut sukatan dan timbangan Belanda. Berkaitan harga belian, terdapat sedikit perbezaan harga yang dicatatkan dalam *Misa Melayu* dengan rekod Belanda iaitu rekod Perjanjian VOC dengan Perak. *Misa Melayu* mencatatkan bahawa harga setiap bahara timah yang dibeli Belanda adalah 30 *real* dengan tambahan 2 *real* bagi setiap bahara timah tersebut (namun tidak dinyatakan mata wang negara mana, tetapi penyelenggara *Misa Melayu* ini menyatakan *real* Belanda pada ringkasan buku transliterasi tersebut). Manakala, rekod Perjanjian VOC dengan Perak pula mencatatkan harga belian setiap bahara timah adalah 32 *real* Sepanyol dengan 2 *real* Sepanyol lagi sebagai cukai kepada sultan. Bermakna terdapat perbezaan 2 *real* bagi kedua-dua rekod ini. Maka pendapatan Perak bagi jualan timah semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah adalah 16,000 *real* mengikut catatan *Misa Melayu* dan 17,000 *real* Sepanyol jika mengikut harga yang direkodkan dalam rekod VOC (Ahmad Fauzi, 1992: F. W. Stapel, 1955). Bagi perbandingan transaksi timah berdasarkan kedua-dua rekod ini, rujuk Jadual 1 di bawah,

Jadual 1
Perbandingan transaksi timah berdasarkan *Misa Melayu* dengan rekod VOC

Butiran	<i>Misa Melayu</i>	Rekod VOC
Jumlah timah diminta oleh VOC	300 bahara	-
Jumlah timah dibekalkan oleh Perak	500 bahara	-
Jumlah timah dalam unit <i>pound</i> (mengikut ukuran dalam rekod Perjanjian Perak (VOC))	187,500 <i>pound</i>	187,500 <i>pound</i>
Harga setiap bahara	30 <i>real</i>	32 <i>real</i> Sepanyol
Cukai tambahan per bahara	2 <i>real</i> (tidak dinyatakan jenis mata wang)	2 <i>real</i> Sepanyol
Jumlah pendapatan Perak	16,000 <i>real</i> (tidak dinyatakan jenis mata wang)	17,000 <i>real</i> Sepanyol

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Ahmad Fauzi (1992) dan F. W. Stapel (1955).

Berkaitan urusanniaga timah ini pula, catatan *Misa Melayu* dan rekod Perjanjian VOC mencerminkan bahawa transaksi berlaku secara langsung, iaitu pihak VOC akan ke negeri Perak untuk mendapatkan timah. Hal ini dari satu segi memberi kelebihan kepada Perak untuk menjual timahnya dalam kuantiti yang besar tanpa sebarang risiko kerugian. Hal ini kerana perdagangan pada waktu itu turut berdepan dengan risiko seperti serangan lanun, perompak mahupun risiko kapal karam (W. G. Miller, 2010: 31).⁶ Bahkan kedatangan terus ini juga lebih mudah kerana VOC juga mengenakan syarat perdagangan yang ketat bagi perdagangan secara langsung, iaitu memerlukan pas perdagangan yang sukar dan rumit untuk diperoleh (L. Y. Andaya, 1987: 87).

Begitu juga, sememangnya tidak dinafikan telah berlaku peralihan dalam pola perdagangan secara terus dengan pelabuhan-pelabuhan utama sedia ada di Asia Tenggara kepada perdagangan terus dengan pelabuhan-pelabuhan kecil dan negeri-negeri yang mempunyai komoditi perdagangan yang menguntungkan melalui peningkatan aktiviti



pedagang-pedagang persendirian Eropah dan Armernia, namun jumlah pedagang-pedagang persendirian ini masih terhad. Maka, walaupun wujud aktiviti pedagang persendirian British yang semakin meningkat di rantau ini pada kurun ke-18, *East India Company (EIC)* masih belum mampu melebarkan pengaruhnya dan peranan mereka hanya semakin signifikan semasa kurun ke-19 (W. G. Miller, 2011:32).⁷ Terdapat juga usaha oleh pedagang persendirian untuk menubuhkan pelabuhan entreport di Kepulauan Asia Tenggara pada kurun ke-18 bagi menguasai rempah dan jaringan perdagangan dengan China di rantau ini, namun tidak ada satu pun usaha tersebut berjaya sehingga dekad-dekad terakhir kurun ke-18. Misalnya usaha pedagang persendirian British menjadikan Bengkulu (Bencoolen) di Barat Daya Kepulauan Sumatera sebagai pelabuhan entreport British masih tidak mampu mengukuhkannya kekuasaannya di Kepulauan Asia Tenggara kerana pelbagai faktor seperti tekanan Belanda, laluan perdagangan yang perlu melalui kawasan bergolak, dan kedudukannya di barat daya Kepulauan Sumatera yang tidak strategik. Kemudian, ada juga usaha untuk dapatkan petempatan di utara Selat Melaka seperti di Kedah, Riau dan Terengganu pada tahun 1771-72 oleh Edward Monckton, tetapi usaha itu juga tidak berjaya (D. K. Bassett, 1964). Justeru pada kurun ke-18 ini, bagi negeri-negeri di Kepulauan Asia Tenggara, *VOC* merupakan rakan diplomatik yang paling berpengaruh dan merupakan pilihan terbaik untuk menjalinkan kerjasama rasmi untuk mengatasi ancaman politik luaran mahupun dalaman. Tambahan pula, di pihak *VOC* sendiri, keamanan dan pergolakan politik perlu diatasi agar kuasa dan pengaruh mereka dalam perdagangan di wilayah Kepulauan Asia Tenggara tidak akan menerima nasib yang sama seperti di Parsi apabila pergolakan politik dalaman yang berlaku secara berterusan menyebabkan perdagangan terganggu dan mereka kehilangan pengaruh serta kuasa perdagangannya. Dalam hal ini, Perak walaupun seringkali dianggap lemah, dengan perjanjian yang ditandatangani dengan *VOC* ekoran kekayaan timahnya itu dikatakan hanya menguntungkan *VOC* sahaja, namun hakikatnya dalam konteks geopolitik yang lebih luas, Perak berjaya menempatkan dirinya sebagai rakan dagang yang penting kepada *VOC*. Misalnya, jualan melalui monopoli ini telah berjaya membantu mengukuhkan kewangan *VOC* kerana harga timah dapat dibeli dengan lebih murah dan dijual dengan harga yang lebih tinggi dan sekali gus memperoleh keuntungan yang berkali ganda. Manakala, pengenaan cukai yang tetap dan rendah juga menguntungkan *VOC* kerana mereka tidak perlu mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi untuk cukai dan tidak perlu berdepan dengan risiko peningkatan cukai, tarif dan sebagainya yang akan memberi kesan kepada perbelanjaan mereka. Hal ini merupakan ciri penting perjanjian *VOC* dengan negeri-negeri di wilayah Asia Tenggara iaitu *VOC* akan memastikan terma berkaitan cukai dan bayaran lain berkaitan kegiatan perdagangan seperti tol, nilai dan jumlah hadiah kepada pemerintah menguntungkannya (Peter Borschberg, 2024: 34).

Berdasarkan rekod-rekod perjanjian yang wujud di antara negeri-negeri Melayu dengan *VOC*, *VOC* juga tidak sewenangnyanya memilih rakan dagang mereka. Misalnya, bagi negeri-negeri Melayu, *VOC* menjalinkan perjanjian dengan negeri-negeri yang mempunyai komoditi import dan eksport yang utama dan menguntungkan. Hal ini supaya mereka dapat mengawal dan menguasai komoditi-komoditi tersebut dan seterusnya mendapat faedah besar daripada hubungan dan penguasaan terhadap komoditi dan jaringan perdagangannya di rantau Asia agar mereka dapat menentukan harga yang dapat memberi keuntungan besar kepada Belanda di mana-mana sahaja (L. Y. Andaya, 1987: 43). Dalam kes ini, kedudukan Perak sebagai pengeluar timah yang utama dan penting merupakan pertimbangan kepada *VOC* menjalinkan hubungan diplomatik dengan negeri tersebut bagi memonopoli timah. Tambahan pula, Perak setelah sekian lama merupakan pengeluar bijih timah yang utama sejak kurun ke-16 lagi dengan timah dari Perak turut didagangkan di Bentan berdasarkan catatan penjelajah Belanda pada tahun 1596. Selain daripada timah Perak yang didagangkan di pelabuhan lain, Perak



sendiri turut memperdagangkan timah di pelabuhannya sendiri. Misalnya berdasarkan catatan oleh Godinho de Eredia pada pada awal kurun ke-17 iaitu pada tahun 1613, beliau menyatakan bahawa Perak terkenal sebagai pelabuhan utama untuk memperoleh timah di rantau Kepulauan Melayu (B. W. Andaya, 1979: 22). Bahkan semasa separuh masa kurun ke-17 pun, iaitu semasa Perak masih berada di bawah cengkaman Aceh, negeri itu masih lagi pembekal utama timah kepada Aceh dan VOC (J. E. Heeres, 1931: 151-155).

Seperti yang dicatatkan di bahagian pengenalan esei ini, kedudukan Perak sebagai pengeluar timah yang utama ini juga turut menarik minat pedagang persendirian British iaitu Francis Light pada tahun 1787 untuk mewujudkan hubungan persahabatan dengannya namun ditolak oleh pemerintah Perak. Bukan hanya usaha Light, Kapten John Forrest juga telah melawat Perak tahun sebelumnya, iaitu pada Mei 1786 untuk berunding dengan negeri itu berkaitan perdagangan, namun beliau gagal mencapai persetujuan dengan pemerintah tempatan (W. G. Miller, 2011:30). Sebenarnya, pedagang persendirian British telahpun mempunyai cita-cita untuk menguasai wilayah yang mempunyai timah sejak tahun 1715 seperti di Phuket. Menurut catatan pemerhati British, Phuket dikatakan mempunyai timah yang banyak namun disebabkan cara perlombongan tempatan yang dianggap primitif, maka timah hanya mampu dihasilkan sekitar 100 tan sahaja setahun. Menurut catatan pemerhati British itu lagi, jika Phuket berada di bawah pentadbiran British, maka penghasilan timah itu boleh ditingkatkan sebanyak tujuh kali ganda setahun iaitu boleh ditingkatkan kepada 700 tan timah dihasilkan pada setiap tahun (D. K. Bassett, 1989: 637-638). Kemudian, pada tahun 1770-an, Phuket telah menghantar 500 bahara timah ke Kedah. Maka, timah merupakan salah satu komoditi perdagangan yang mendapat perhatian dan menjadi rebutan ramai pihak termasuklah pedagang British. Namun, berbanding VOC, pedagang persendirian British ini tidaklah terlalu kaya dan lazimnya urusan niaga mereka adalah berdasarkan sistem barter iaitu menukarkan candu dengan timah yang diperolehi. Kemudian timah ini akan dijual ke China yang merupakan salah satu barangan import popular oleh negara tersebut (F. A. Smith, 2023: 65).⁸ Candu bukan hanya ditukarkan dengan timah sahaja tetapi juga barangan lain rempah dan barangan berharga lain dari Kepulauan Asia Tenggara yang mendapat permintaan tinggi di China (Khoo Chun Yok, 2023: 42).

Begitu juga walaupun seringkali diujahkan bahawa negeri-negeri yang menandatangani perjanjian dengan VOC ini sebagai mangsa iaitu terpaksa tunduk dan patuh kepada permintaan VOC dalam perjanjian, bukanlah bermakna tiada langsung penentangan langsung terhadap VOC kerana syarat-syaratnya yang berat sebelah itu walaupun menyedari penentangan itu akan menerima akibatnya. Misalnya pada tahun 1650, VOC telah memaksa Aceh untuk membahagikan hasil timah Perak yang dihantar sebagai ufti naungan kepadanya secara sama rata dengannya. Hal ini menimbulkan kemarahan Aceh dan negeri itu merancang untuk menentang VOC dan membawa kepada serangan ke atas kota pelabuhan VOC di Perak dengan 29 orang VOC terbunuh pada tahun yang sama (Anthony Reid, 1993: 320). Berlaku hubungan tegang di antara VOC dan Aceh untuk sepanjang tahun 1650-an dan pertelingkahan di antara kedua-duanya hanya berakhir pada tahun 20 Jun 1659 apabila perjanjian damai ditandatangani di antara kedua-duanya. Melalui perjanjian damai ini, sebenarnya mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat dan berat kepada Aceh, antaranya Aceh dikehendaki menjelaskan bayaran ganti rugi kepada VOC, hasil timah daripada Perak perlu dibahagi sama rata di antara kedua-duanya dengan hanya orang-orang VOC dan Aceh sahaja dibenarkan berdagang timah di Perak selain daripada syarat-syarat lain berkaitan perdagangan lada dan aktiviti perdagangan di Pantai Barat Sumatera (CD 2, (J. E. Heeres. 1931: 151-155).



Di pihak VOC sendiri, mereka juga seboleh mungkin berusaha untuk mengelakkan konflik. Misalnya di Perak, semasa pentadbiran Sultan Iskandar Syah, berlaku sikap dingin baginda sultan terhadap VOC sehingga *Misa Melayu* sendiri mencatatkan sultan tidak mahu menghantar timah untuk ditimbang di tempat timbangan Belanda seperti sebelumnya. Manakala rekod perjanjian oleh VOC mencatatkan sultan sampai ke tahap membatalkan perjanjian garam yang ditandatangani pada tahun 1752 dan turut mengugut menarik balik monopoli timah kepada VOC. Gabenor VOC di Melaka telah menghantar Encik Thomas Schippers ke Perak bagi mendapat makluman berkaitan perkara ini. Beliau mendapat maklumat bahawa sikap dingin raja tersebut disebabkan khabar angin yang mengatakan bahawa Syarikat ingin menggulingkannya. Schippers telah bertindak menenangkan sultan dan selepas rundingan itu, beliau kembali ke Melaka pada 9 April dengan membawa surat-surat dan hadiah, 150,000 *paun* timah serta kontrak yang dipersetujui sultan (CD6, F. W. Stapel, 1955: 1-2). Hal ini bermaksud, sultan sendiri jika beranggapan kedudukannya terancam oleh tindakan-tindakan VOC, maka baginda tidak teragak-agak untuk mengancam semula kepentingan VOC di negerinya. Tambahan pula, VOC sendiri, dan kuasa Eropah yang lain hanya berkuasa dan di kawasan pesisir sahaja (L. Y. Andaya, 1992: 360). Disebabkan itu, mereka masih memerlukan sokongan pemerintah tempatan untuk memperoleh komoditi yang diperlukan. Misalnya, dalam kes Perak, timah diperoleh di kawasan pedalaman dan dikumpulkan di gudang yang ditempatkan di ibu kota negeri sebelum dihantar ke kota pelabuhan Belanda. Maka, adalah penting untuk hubungan baik dikekalkan dan ini juga sedikit sebanyak memberi kuasa kepada pemerintah tempatan untuk tawar menawar berkaitan syarat perjanjian dengan Belanda.

KESIMPULAN

Melihat kepada hubungan Perak dengan VOC ini, jelaslah bahawa Perak mempunyai kedudukannya yang tersendiri dalam ekonomi khususnya dalam jaringan perdagangan antarabangsa pada waktu itu kerana kedudukannya sebagai pembekal timah yang utama dan penting. Perbincangan yang ada lazimnya memfokuskan kepada pelabuhan-pelabuhan entreport utama di Kepulauan Asia Tenggara (di Selat Melaka)⁹ berbanding memfokuskan kepada negeri-negeri Melayu yang masing-masing mempunyai peranan penting dan tersendiri dalam membekalkan komoditi import eksport bagi memastikan pelabuhan-pelabuhan entreport yang silih berganti muncul itu mampu memainkan peranannya dengan berkesan. Ringkasnya, memang tidak dinafikan bahawa kota-kota pelabuhan entreport yang silih berganti muncul di Selat Melaka penting dalam membekalkan barangan import eksport yang diperlukan dalam perdagangan antarabangsa, namun komoditi-komoditi ini sebenarnya diperoleh dari kawasan pedalaman negeri-negeri di wilayah Asia Tenggara. Justeru, tanpa komoditi-komoditi dari kawasan pedalaman ini, maka sukar untuk pelabuhan-pelabuhan entreport tersebut berkembang. Oleh yang demikian, perdagangan maritim di pelabuhan-pelabuhan utama tersebut amat bergantung kepada kemampuan pelabuhan-pelabuhan utama ini mengekalkan hubungannya dengan kawasan pedalaman yang dikuasai oleh pentadbir-pentadbir tempatan bagi memastikan komoditi-komoditi untuk tujuan eksport dapat diperoleh secara berterusan dan dalam masa yang sama komoditi import pula dapat disebarkan ke kawasan pedalaman. Hal inilah yang menjana keuntungan berterusan kepada pelabuhan-pelabuhan entreport tersebut sama ada semasa dikuasai oleh kuasa tempatan, mahupun kuasa Eropah kemudiannya.



Nota:

¹ *Misa Melayu* tidak mencatatkan secara panjang lebar berkaitan era pentadbiran Sultan Alauddin Syah dan catatan berkaitan baginda adalah yang paling singkat.

² Pada penghujung kurun ke-17 iaitu pada tahun 1680, telah ada satu perjanjian dimeterai di antara *VOC* dengan Perak. Peristiwa yang membawa kepada perjanjian ini seperti dicatatkan dalam CD3 adalah ekoran perahu syarikat yang membawa muatan timah sebanyak 18 bahara telah diserang semasa sedang menyusur keluar ke hilir Sungai Perak menyebabkan muatan timah tersebut hilang dan anak kapal syarikat terbunuh. Justeru bagi mengelakkan kemarahan *VOC* dan mengekalkan hubungan baik dengannya, maka Sultan Perak telah menandatangani perjanjian pada tahun 1680 tersebut. Rekod Belanda ini mencatatkan Sultan Perak tersebut sebagai Sulthan Mahometza Lilulla Filalem (J. E. Heeres, 1934: 217). Inti utama dan penting perjanjian ini adalah pihak *VOC* diberi kuasa untuk menahan dan memenjarakan sesiapa sahaja yang berlayar keluar dari Perak tanpa pas rasmi dari kerajaan Perak, dan sekiranya mereka melawan, maka syarikat diberikan kuasa untuk membunuh mereka yang terlibat. Ringkasnya, perjanjian ini tidaklah sama sekali berkaitan monopoli timah. Merujuk kepada Khoo Kay Kim (1986), Sultan Mahmud Iskandar Syah merupakan sultan Perak yang menduduki takhta pada tahun 1653 hingga tahun 1720. Justeru, Sulthan Mahometza Lilulla Filalem dalam catatan Belanda ini jelas sekali merujuk kepada Sultan Mahmud Iskandar Syah berdasarkan kepada tahun perjanjian itu ditandatangani.

³ Menurut F. W. Stapel (1938), tarikh ini tidak bertepatan dengan tarikh menurut kalendar Islam yang dicatatkan dalam kandungan perjanjian. Hal ini kerana bulan Rejab 1164 bermula pada 26 Mei 1751. Maka hari ke-7 tahun masihi sepatutnya adalah pada 1 Jun 1751.

⁴ Maklumat lanjut berkaitan perang saudara dan pergolakan dalaman ini, rujuk Willem Floor (1987).

⁵ Selain Perak, berlaku peningkatan rekod yang ditandatangani dengan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu pada tempoh tersebut. Misalnya bagi rekod-rekod perjanjian untuk tahun 1726 sehingga 1799, jumlah perjanjian *VOC* dengan negeri-negeri Melayu seperti Selangor dan Johor turut meningkat jumlahnya.

⁶ Beberapa pelabuhan dianggap berbahaya kerana aktiviti penyeludupan dan perlanungan seperti di pesisir pantai barat Kalimantan dan di utara Sumatera.

⁷ Lihat juga pengalaman James Carnegie sebagai salah seorang pedagang persendirian British yang mengalami pelbagai kesukaran dalam kegiatan perdagangannya di rantau ini walaupun pada kurun ke-19 iaitu pada dekad-dekad awal kurun tersebut (F. A. Smith, 2023: 62-67).

⁸ Berbanding dengan *VOC* yang mengenakan sekatan terhadap perdagangan candu, *EIC* bukan sahaja memperdagangkannya secara bebas tetapi juga menjadikannya sebagai instrumen kewangan penting dalam pertukaran barangan (E. Ulrich Kratz, 2012: 92).

⁹ Lihat penulisan seperti Kenneth R. Hall (1985), Robert McRoberts (1991) dan Nordin Hussin (2007).

PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada saudara Rahmanto Rizal, pelajar Program MA Sarjana Sejarah Asia Tenggara Mod Campuran di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM yang membantu dalam transliterasi rekod Belanda kepada bahasa Melayu yang digunakan dalam penulisan ini.

RUJUKAN

[Surat Sultan Muda Perak kepada Francis Light berkaitan hubungan Perak dengan Pulau Pinang]: Light Letters (MS 40320/11, f.118). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia.”

[Surat Sultan Perak kepada Francis Light tentang Persahabatan Pulau Pinang dan Perak dan Permintaan Benih Sagu]: Light Letters (MS 40320/11, f.107). Transliteration provided by Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia.”



- Ahmad Fauzi Mohd. Basri. (1992). (peny.). *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B. W. (1979). *Perak, The Abode of Grace: A study of an eighteenth-century Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Andaya, B. W. (1992). Political development between the sixteenth and eighteenth centuries. In Nicholas Tarling (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia* (pp. 402-459). Cambridge: Cambridge University Press.
- Andaya, L. Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan ekonomi dan politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, L. Y. (1992) Interactions with outside world and adaptation in Southeast Asian Society, 1500-1800. In Nicholas Tarling (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia* (pp. 345-401). Cambridge: Cambridge University Press.
- Bassett, D. K. (1989). "British 'Country' Trade and local trade networks in the Thai and Malay States, c. 1680–1770." *Modern Asian Studies* 23, no. 4: 625–43. Retrieved from <https://doi.org/10.1017/S0026749X00010143>.
- Bassett, D. K., And D. K. Basset. (1964). British trade and policy in Indonesia 1760 - 1772. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde* 120(2), 197–223. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/27860475>.
- Borschberg, P. (2024). Trade and Disruption in the Western Malay Archipelago in the 17th century. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 97(2), 17-42.
- Floor, W. (1987). The Iranian Navy in the Gulf during the eighteenth century. *Iranian Studies* 20(1), 31–53. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/4310562>.
- Hall, D. G. E. (1955). *A History of South-East Asia*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Hall, K. R. (1985). *Maritime Trade and State Development in Early Southeast Asia*. University of Hawaii Press.
- Heeres, J. E. (Ed.). (1931). *Corpus diplomaticum Neerlandico-Indicum: Verzameling van politieke contracten en verdere verdragen door de Nederlanders in het Oosten gesloten, van privilegebrieven, aan hen verleend, enz. (Tweede deel: 1650–1675)*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Retrieved from <https://sejarah-nusantara.anri.go.id/corpusdiplomaticum/>
- Heeres, J. E., & Stapel, F. W. (Eds.). (1934). *Corpus diplomaticum Neerlandico-Indicum: Verzameling van politieke contracten en verdere verdragen door de Nederlanders in het Oosten gesloten, van privilegebrieven, aan hen verleend, enz. (Derde deel: 1676–1691)*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde. Retrieved from <https://sejarah-nusantara.anri.go.id/corpusdiplomaticum/>
- Kathirithamby-Wells, J. (1992). The Age of transition: The mid-eighteenth to the early nineteenth centuries. In Nicholas Tarling (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia* (pp. 572-619). Cambridge: Cambridge University Press.
- Khoo, Chun Yok. (2023). The Collapse of the Riau Entrepôt in 1784 and the Rise of Singapore. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 96(2), 29-48.
- Khoo, Kay Kim. (1986). "The Perak Sultanate: Ancient and modern." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 59(1)(250), 1–26. Retrived from <http://www.jstor.org/stable/41493032>.
- Kratz, E. U. (2012). Francis Light's Place in the Trading System of Both Coasts of the Malay Peninsula. *Asian Journal of Social Science*, 40(1), 83–99. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/43498829>
- McRoberts, R. W. (1991). "A Study In Growth: An Economic History Of Melaka 1400-1510". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 64(2) (261)), 47–78. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41493186>.



- Miller, W. G. (2010). "English country traders and their relations with Malay rulers in the late eighteenth century." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 84(1), 23-45. Retrieved from <https://dx.doi.org/10.1353/ras.2011.0004>.
- Nordin Hussin. (2007). *Trade and Society in the Straits of Melaka: Dutch Melaka and English Penang*. Singapore: NUS & Nias Press.
- Reid, A. (1992). Economic and social change, c. 1500-1800. In Nicholas Tarling (Ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia* (pp. 460-507). Cambridge: Cambridge University Press.
- Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce 1450-1680*. (Vol. 2). New Haven and London: Yale University Press.
- Smith, F.A. (2023). James Carnegie and the 'Country Trade' in Penang, c.1802–1824. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 96(1), 51-79.
- Stapel, F. W. (1955). *Verzameld en toegelicht (Zesde deel: 1753-1799)*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde, Martinus Nijhoff. Retrieved from <https://sejarah-nusantara.anri.go.id/corpusdiplomaticum/>
- Stapel, F. W. (Ed.). (1955). *Corpus diplomaticum Neerlandico-Indicum: Verzameling van politieke contracten en verdere verdragen door de Nederlanders in het Oosten gesloten, van privilegebrieven, aan hen verleend, enz. (Vijfde deel: 1726-1752)*. Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde, Martinus Nijhoff. Retrieved from <https://sejarah-nusantara.anri.go.id/corpusdiplomaticum/>
- Wagner, M. (2022). *The English Chartered Trading Companies, 1688-1763, guns, money and lawyers*. New York: Routledge.